



SYARAT PERMOHONAN

JAWATAN	JURURAWAT
GRED JAWATAN	U29 (TETAP)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	PELAKSANA
SYARAT LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) Warganegara Malaysia;(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan(c) Diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none">(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none">(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<ol style="list-style-type: none">(a) memenuhi tempoh percubaan;(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan(c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN	
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	
TEMPOH PERCUBAAN	
LATIHAN	
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN****KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI****KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U32**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Jururawat Gred U29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U32 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.